

Pahang batalkan lesen pembalakan di Bukit Makro

[Asrol Awang](#)

am@hmetro.com.my



FOTO HIASAN

Kuantan: Kerajaan Pahang membatalkan kelulusan kawasan pembalakan di Bukit Makro, Maran pada 17 Januari lalu dan sudah mengarahkan segala aktiviti prapembalakan di kawasan terbabit dihentikan.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) Datuk Mohd Hizamri Mohd Yasin berkata, berdasarkan isu yang tular di media sosial, dimaklumkan kawasan yang dimaksudkan adalah kawasan diluluskan kepada Amanah Saham Pahang (ASPA) seluas 40.47 hektar di atas tanah kerajaan.

ADVERTISEMENT

"Kawasan yang diluluskan di Bukit Makro itu tidak berada di dalam kawasan hutan simpan dan semua penilaian terutama yang berkaitan dengan impak alam sekitar sudah mendapat kelulusan jabatan terbabit.

"Kerja pembalakan di kawasan terbabit juga masih belum dimulakan oleh pihak pelesen," katanya dalam satu kenyataan media, hari ini.

Beliau berkata, sebagai makluman, hanya kerja awalan membersihkan jalan pengeluaran dan pembinaan matau (tempat khas mengumpul balak) utama di atas tanah kerajaan sahaja dimulakan.

Bagaimanapun, katanya, JPNP sudah mengarahkan supaya ia diberhentikan ketika musim tengkujuh dan kejadian banjir di negeri Pahang, baru-baru ini.

"Selepas membuat penelitian berdasarkan analisa pasca banjir dan mengambil kira kepentingan awam, kerajaan Pahang membatalkan kelulusan yang diberikan pada 17 Januari lalu.

"JPNP sudah mengarahkan segala aktiviti prapembalakan di kawasan itu diberhentikan dan semua jentera terbabit juga dikeluarkan dari kawasan berkenaan," katanya.

Disiarkan pada: Februari 15, 2022 @ 3:01pm